

BAJET 2016

Peruntukan seimbang penuh harapan rakyat

Antara agenda negara yang paling ditunggu-tunggu oleh rakyat adalah pembentangan Bajet 2016 yang sentiasa bertindak sebagai satu mekanisme dalam memacu negara ke arah yang lebih cemerlang dan produktif. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, selesai membentangkan Bajet 2016 bertajuk *Mensejahtera Kehidupan Rakyat* di Parlimen pada 24 Oktober 2015.

Bajet ini dibentangkan hasil daripada tinjauan dan kajian yang dilakukan terhadap segenap lapisan masyarakat majmuk di Malaysia. Banyak antara komen dan cadangan yang telah dihantar sama ada melalui kertas cadangan, memorandum mahupun melalui laman web perdana menteri.

Sejak Mac tahun 2009, kerajaan sudah membentangkan lebih 11 dokumen besar berkaitan pembangunan ekonomi negara. Pakej yang dimaksudkan termasuklah, Pakej Rangsangan Pertama, Pakej Rangsangan Kedua, Rancangan Malaysia Ke-10 dan Rancangan Malaysia Ke-11, seterusnya Bajet 2010, hinggalah pada hari ini, dipersembahkan pula Bajet 2016.

Bajet 2016 memperlihatkan peruntukan sebanyak RM267.2b berbanding RM260.7b peruntu-

kan dipinda untuk tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, RM215.2b adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM52b bagi perbelanjaan pembangunan.

Bajet ini dikaji dan diteliti supaya selaras dengan faktor berteraskan keseimbangan antara

Capital Economy dan *People Economy*. Di samping itu, negara juga perlu mencapai pertumbuhan yang bersifat inklusif, sustainable, kompetitif, progresif, bersah-siah dan mempunyai moral yang jitu dalam satu kehidupan masyarakat yang saling berpadu.

Faedah pembiayaan pendidikan

Apa yang menarik untuk dilihat adalah inisiatif yang membabitkan sektor pendidikan tinggi. Sebagai contoh kita dapat melihat komitmen kerajaan dalam pengagihan biasiswa yang diteruskan secara konsisten melalui pelbagai pihak, antaranya:

- RM1.65b melalui Jabatan Perkhidmatan Awam;
- RM288j melalui Kementerian Pendidikan;
- RM250j melalui Kementerian Pendidikan Tinggi; dan
- RM258j melalui Kementerian Kesihatan.

Di samping itu, dalam menggalakkan lagi kerancakan di dalam sektor pendidikan tinggi, beberapa penekanan diberikan seperti had maksimum pelepasan cukai ke atas yuran pengajian pendidikan tinggi bagi pembayar cukai individu, dinaikkan kepada RM7,000 daripada

RM5,000 setahun.

Usaha murni ini dilengkapkan lagi dengan penerusan Program Baucar Buku 1Malaysia yang bernilai RM250 bagi 1.2 juta pelajar. Sungguhpun begitu, untuk mengelakkan salah guna baucar ini, kaedah penubuhan akan diperkemas dengan cara bahawa buku hanya boleh dibeli dari kedai-kedai buku yang diiktiraf sahaja.

Mempersiapkan modal insan

Di samping itu, kerajaan juga berusaha untuk meningkatkan pendapatan pekerja, dengan menyasarkan 60 peratus daripada 1.5 juta pekerjaan baharu, adalah pekerja berkemahiran TVET menjelang 2020.

Justeru sejumlah 4.8 bilion ringgit diperuntukkan kepada 545 institusi TVET di bawah bajet ini. Langkah ini amat wajar demi untuk memastikan modal insan yang terhasil mempunyai daya saing yang tinggi seterusnya mampu meningkatkan mutu pekerja seterusnya menjadi agen yang mampan dalam pembangunan negara.

Selepas mendengar pembentangan Bajet 2016, fahamlah kita bahawa Malaysia menyemai misi dan matlamat yang tinggi untuk

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bharian.com.my

melahirkan masyarakat prihatin yang mementingkan nilai hidup murni untuk diwarisi kepada generasi akan datang. Apa pun Bajet 2016, sentiasa ada dua sisi yang berbeza.

Ada yang akan menerima dan ada yang melihat dengan pandangan sinis dan daripada perspektif berbeza. Justeru marilah kita berganding bahu untuk menterjemahkan hasrat kerajaan, agar Malaysia dapat meneruskan kecemerlangan sama ada pada peringkat serantau ataupun antarabangsa.

Dr Nurkhamimi Zainuddin,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama,
Universiti Sains Islam Malaysia.